KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## ISNIN, 11 SEPTEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



11/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **DEPUTY WOMEN MINISTER URGES ONLINE SEXUAL HARASSMENT VICTIMS TO LODGE POLICE REPORT** | |
| | https://www.theborneopost.com/2023/09/10/deputy-women-minister-urges-online-sexual-harassment-victims-to-lodge-police-report/ | THEBORNEOPOST.COM |
| | https://selangorjournal.my/2023/09/online-sexual-harassment-victims-urged-to-lodge-police-report/ | SELANGORJOURNAL.MY |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/09/953489/online-sexual-harassment-victims-urged-lodge-police-report | NST.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/278284/berita/nasional/gangguan-seksual-terhadap-wanita-dalam-talian-meningkat---kpwkm | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-gangguan-seksual-dalam-talian-semakin-meningkat-kpwkm-436723 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1150957/pastikan-tiada-ruang-buat-pelaku-gangguan-seksual-kpwkm | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/gangguan-seksual-secara-dalam-talian-meningkat/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2224228 | BERNAMA.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/278235/berita/semasa/mangsa-gangguan-seksual-dalam-talian-digesa-buat-laporan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1008267/jangan-berdiam-diri-terhadap-gangguan-seksual-sama-ada-terang-terangan-atau | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.malaysiakini.com/news/678710 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.themalaysianinsight.com/index.php/s/461428 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/219812/online-sexual-harassment-victims-urged-to-lodge-police-report/ | DAILYEXPRESS.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **[VIDEO] PONTENG SEKOLAH DEMI JAGA IBU, AYAH SAKIT KRONIK** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/278262/edisi/kelantan/video-ponteng-sekolah-demi-jaga-ibu-ayah-sakit-kronik | SINARHARIAN.COM.MY |

11/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **MITRA DISARAN KERJASAMA DENGAN RISDA BANTU WANITA INDIA IKUTI TVET - AHMAD ZAHID** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mitra-disaran-kerjasama-dengan-risda-bantu-wanita-india-ikuti-tvet-ahmad-zahid-436763 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **21 TERBABIT NAHAS 6 KENDERAAN, SEORANG WANITA MAUT** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1150812/21-terbabit-nahas-6-kenderaan-seorang-wanita-maut | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1008407/wanita-maut-nahas-7-kenderaan-mahu-hantar-cucu-belajar | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **PASAR TAMU DAYAK SEREMBAN BANTU JANA PENDAPATAN WANITA SABAH, SARAWAK** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pasar-tamu-dayak-seremban-bantu-jana-pendapatan-wanita-sabah-sarawak-436693 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/09/1150902/pasar-tamu-dayak-bantu-jana-pendapatan-wanita | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **MAYAT WANITA TERTIARAP DI KERUSI DITEMUI DI RUMAH TERKUNCI** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/mayat-wanita-tertiarap-di-kerusi-ditemui-di-rumah-terkunci/ | BULETINTV3.MY |

11/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **WARGA EMAS MAUT KETIKA HANTAR CUCU SAMBUNG BELAJAR** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/10/warga-emas-maut-ketika-hantar-cucu-sambung-belajar/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/kemalangan-7-kenderaan-warga-emas-maut-dalam-perjalanan-hantar-cucu-sambung-belajar/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-maut-nahas-lapan-kenderaan-dalam-perjalanan-hantar-cucu-ke-ipt-436782 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/278301/berita/semasa/warga-emas-maut-nahas-8-kenderaan-dalam-perjalanan-hantar-cucu-ke-ipt | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **NELAYAN WARGA EMAS HILANG SELEPAS KE LAUT SEORANG DIRI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1008321/nelayan-warga-emas-hilang-selepas-ke-laut-seorang-diri | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1150969/nelayan-warga-emas-hilang-selepas-ke-laut-seorang-diri | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nelayan-warga-emas-hilang-selepas-ke-laut-seorang-diri-436725 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **WARGA EMAS MAUT DILANGGAR MOTOSIKAL KETIKA LINTAS JALAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/278227/berita/semasa/warga-emas-maut-dilanggar-motosikal-ketika-lintas-jalan | SINARHARIAN.COM.MY |

11/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **WARGA EMAS MAUT, VAN BERTEMBUNG PIKAP** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-maut-van-bertembung-pikap/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **WARGA EMAS AGIH WANG RM1 DIBENTUK ORIGAMI, BAGI HARGAI HARI KEBANGSAAN, HARI MERDEKA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1150992/warga-emas-agih-wang-rm1-dibentuk-origami-bagi-hargai-hari | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **WARGA EMAS CEDERA DIHEMPAP DAHAN POKOK** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/10/warga-emas-cedera-dihempap-dahan-pokok | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **KELUARKAN ADIK OKU MELALUI TINGKAP KETIKA RUMAH DILANDA AIR DERAS** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1008340/keluarkan-adik-oku-melalui-tingkap-ketika-rumah-dilanda-air-deras | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **BOMBA TERBANGKAN KANAK-KANAK ORANG ASLI SESAK NAFAS KE HOSPITAL** | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/678678 | MALAYSIAKINI.COM |

11/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **KREATIF DIDIK KANAK-KANAK DEDAHKAN MENGENAI PEMBENTUKAN MALAYSIA** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/09/1151010/kreatif-didik-kanak-kanak-dedahkan-mengenai-pembentukan-malaysia | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **KANAK-KANAK LEMAS KETIKA TANGKAP IKAN DI SUNGAI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1008442/kanak-kanak-lemas-ketika-tangkap-ikan-di-sungai | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/278294/berita/semasa/kanak-kanak-lelaki-lemas-di-sungai | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1151106/kanak-kanak-lemas-ketika-tangkap-ikan-di-sungai | BHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/09/10/kanak-kanak-11-tahun-ditemukan-lemas-di-pasir-gudang/ | MALAYGAZETTE.COM |
| | https://tvstv.my/2023/09/11/kanak-kanak-11-tahun-ditemukan-lemas-di-pasir-gudang/ | TVSTV.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PASTIKAN TIADA RUANG KEPADA PELAKU GANGGUAN SEKSUAL | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pastikan tiada ruang kepada pelaku gangguan seksual

## KPWKM serius tangani isu, mahu mangsa segera buat laporan



*Aiman Athirah (tengah) pada Program Jerayawara Kasih KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam di Kuala Terengganu, semalam.* (Foto Faizul Azlan Razak/BH)

Oleh Faizul Azlan Razak
bhnews@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mahu memastikan tiada ruang diberikan kepada pelaku gangguan seksual sama ada secara terang-terangan atau dalam bentuk jenaka.

Timbalan Menterinya, Aiman Athirah Sabu, berkata pihaknya memandang serius dan mahu membendung gangguan seksual terutama dalam talian.

Beliau berkata, walaupun bukan mudah untuk ditangani, amat penting untuk mangsa tidak berdiam diri.

"Antara cabaran menangani gangguan seksual ialah apabila segelintir pelaku mungkin menganggap tindakan mereka jenaka yang tidak berbahaya atau salah faham.

"Mangsa perlu bertindak awal dengan membuat laporan segera kepada pihak berwajib serta tidak membiarkan perkara ini berpanjangan.

"Isu ini serius sebab itu kita menguar-uarkan dan teruskan perbincangan isu gangguan seksual serta isu jenayah intip dan hendap atau *stalking* adalah satu kesalahan," katanya kepada media pada Program Jerayawara Kasih KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam, di sini, semalam.

Aiman Athirah berkata, kesan kepada mangsa tidak terhad pada gangguan mental, sebaliknya mendorong kepada jenayah seksual lebih serius.

### Jumlah kes meningkat

Beliau berkata, jumlah kes gangguan seksual yang dilaporkan meningkat daripada 378 kes pada 2020 kepada 506 kes pada 2021.

"Walau bagaimanapun, terdapat sedikit penurunan pada 2022 iaitu kepada 477 kes dan jumlah kes dilaporkan ini membabitkan lelaki dan wanita.

"Namun, majoriti mangsa adalah wanita, iaitu sebanyak 354 kes pada 2020, 446 kes bagi 2021 dan 416 kes pada 2022.

"Statistik ini menunjukkan, setiap tahun lebih 90 peratus daripada kes gangguan seksual adalah membabitkan mangsa dalam kalangan wanita," katanya.

Aiman Athirah berkata, jenayah ini juga memberi kesan secara langsung kepada mangsa dan membawa kesan trauma dan ketakutan berpanjangan.

"Isu gangguan seksual harus ditangani dengan serius dan kita perlu sentiasa menambah baik undang-undang semasa supaya sesuai dengan peredaran masa," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 67 TAK DAPAT KE SEKOLAH! | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Oleh Paya Linda Yahya
am@hmetro.com.my

# 67 tak dapat ke sekolah!

## *Pelajar Orang Asli Pos Gob tidak dapat keluar kerana jalan rosak akibat hujan lebat*

**Gua Musang**

Seramai 67 murid dan pelajar Orang Asli Pos Gob tidak dapat meneruskan sesi pembelajaran yang bermula Ahad lalu kerana tidak boleh keluar dari kawasan terbabit akibat jalan rosak.

Penduduk mendakwa hujan yang kerap berlaku pada sebelah petang menyebabkan jalan menghubungkan ke perkampungan itu rosak teruk dan ada jambatan kayu runtuh kerana sudah reput.

Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA), Aman Angah, 32, berkata, murid dan pelajar dari tiga sekolah tidak dapat meneruskan sesi pembelajaran kerana tidak dapat keluar dari pos terbabit.

Katanya, jambatan Sungai Pelat dan Sungai Bercap tidak dapat dilalui kerana rosak teruk dan runtuh.

"Pelajar ini bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Betis, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Panggong Jaya dan SMK Tengku Indra Petra 1.

"Sudah seminggu mereka tidak boleh pergi ke sekolah kerana masalah jalan perhubungan yang rosak teruk terutama apabila hujan lebat," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.



JAMBATAN Sungai Pelat yang masih menggunakan kayu dan perlu dibaiki setiap kali pacuan empat roda ingin melaluinya. - Gambar NSTP/PAYA LINDA YAHYA

Katanya, penduduk juga menggesa pihak berwajib menyiapkan jambatan dan menaik taraf jalan seperti yang dijanjikan.

"Kami dijanjikan dengan projek membina tujuh jambatan besi keluli namun sehingga kini hanya dua yang siap.

"Jika keadaan ini berterusan kami bimbang akan menjejaskan pelajaran anak-anak Orang Asli di pos ini.

"Tindakan sesetengah pihak atau peminat sukan lasak juga turut menyebabkan jambatan dan jalan mengalami kerosakan teruk terutama pada musim hujan," katanya.

> *Jika keadaan ini berterusan kami bimbang akan menjejaskan pelajaran anak-anak Orang Asli di pos ini"*
>
> **Aman Angah**

Sementara itu, Penghulu Pos Gob, Liman Alang berkata, dia berharap jambatan dan jalan perhubungan ke pos terbabit dapat disiapkan sebelum musim tengkujuh.

"Memang kami risau sekarang apabila jambatan belum siap dan jalan perhubungan masih tidak dibaiki. Apabila musim tengkujuh tidak lama lagi pasti lagi banyak kerja-kerja yang terbengkalai.

"Bila jalan rosak, lagi susah kami nak keluar ke Bandar Gua Musang untuk mendapatkan bekalan makanan.

"Nak harapkan hasil tanaman seperti ubi kayu dan pisang pula, banyak yang dimusnahkan oleh gajah liar. Saya harap masalah ini dapat diselesaikan sebelum musim tengkujuh tiba," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ANAK ORANG ASLI SESAK NAFAS DITERBANG KE HOSPITAL | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Anak Orang Asli sesak nafas diterbang ke hospital

**Gua Musang:** Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melakukan penerbangan pemindahan perubatan (Medevac) seorang kanak-kanak lelaki Orang Asli yang sesak nafas dari Kampung Bihai Lama, Pos Bihai untuk menerima rawatan lanjut di Hospital Gua Musang, kelmarin.

Pegawai Perhubungan Awam JBPM Pangkalan Udara Wilayah Utara, Pulau Pinang, Penolong Penguasa Bomba Muhammad Akmaluddin Said berkata, Arafel Danas Addy berusia dua tahun diiringi ibunya Sawana John, 33, dibawa keluar dari perkampungan itu menggunakan pesawat Agusta Westland 139 (AW139) jam 12.09 tengah hari.

Beliau berkata, kanak-kanak berkenaan mengalami demam panas, selain batuk, selesema dan cirit-birit.

"Pesawat berlepas tiba di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Gua Musang jam 11.37 pagi untuk mengambil seorang petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menyertai misi pemindahan di Pos Bihai, selepas selesai melakukan penugasan di Pos Lemoi, Pahang.

"Setibanya anak kapal di Pos Bihai mendapati pesakit dalam keadaan bernafas laju dan menyusu hanya sedikit dan keadaan sudah berlarutan dua hari," katanya dalam kenyataan.

Muhammad Akmaluddin berkata, pesawat tiba semula di BBP Gua Musang jam 12.18 tengah hari bersama pesakit untuk dipindahkan ke hospital dengan menaiki ambulans.

Beliau berkata, operasi yang diketuai Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Farhan Marzuki bersama empat kru termasuk dirinya selamat tiba di Pangkalan Udara Wilayah Utara, Pulau Pinang jam 4 petang.




**UNIT Udara JBPM mengambil pesakit kanak-kanak Orang Asli di Kampung Bihai Lama, Pos Bihai untuk dihantar ke Hospital Gua Musang.**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BANGKIT SELEPAS ALAMI DEPRESI! | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

### ‘MANGSA’ BERTUKAR JADI PENYELAMAT 50 WANITA

# Bangkit selepas alami depresi!

Oleh Muhd Izawan Baharin dan Yusmizal Dolah Aling
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Tekanan melampau daripada keluarga sejak kecil mengakibatkan seorang wanita hidup dalam keadaan kemurungan, hilang harapan dan kesedihan berpanjangan hingga pernah cuba menamatkan riwayat sendiri lebih 10 kali.

Namun sekarang kitaran hidup Roselle Lu Sook Hui, 26, berubah sama sekali, daripada seorang yang sentiasa dibelenggu kesedihan dan kebimbangan kini menggunakan pengalaman itu untuk membantu mereka berdepan masalah sama.

Roselle yang kini menjalankan khidmat Perunding Kehidupan sudah membantu 50 wanita sejak dua tahun lalu terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk golongan profesional untuk mendepani tekanan dan dapat hidup lebih bahagia.

Dia mengakui menghadapi tekanan sejak kecil akibat didikan ibu bapa yang mahukan kesempurnaan bermula daripada pencapaian akademik hingga penjagaan kulit menyebabkan dia mengalami depresi dan beberapa kali cuba membunuh diri.

Menurutnya, dia sering menjadi sasaran ibunya yang memberi tekanan emosi dengan alasan dia sebagai anak sulung perlu memikul tanggungjawab sebagai kakak dan menjadi contoh terbaik kepada adik perempuannya.

“Sejak berusia 12 tahun, saya kerap cederakan diri, malah banyak kali terlintas untuk tamatkan riwayat sendiri kerana tertekan dengan ketegasan ibu.

“Ibu sering bandingkan saya dengan adik, ahli keluarga lain atau rakan sehingga saya dibebani rasa bersalah jika tidak dapat penuhi harapan atau jangkaannya. Saya pernah cuba mengadu dan meluahkan apa yang dirasa tetapi tidak dipedulikan ibu.

“Bermula dari sekolah rendah, semasa di kolej hingga ke tempat kerja, saya dibebani harapan mahu kesempurnaan hingga rosakkan fizikal dan mental,” katanya.

Menurutnya, semasa bekerja di sebuah syarikat jualan, dia sanggup bekerja hingga tengah malam, tidur sekejap dan masuk ke pejabat awal pagi esoknya demi memastikan menjadi pekerja terbaik.

“Namun saya sentiasa rasa gagal memenuhi jangkaan itu. Perasaan sedih, dan rasa gagal memenuhi fikiran saya hingga kemuncaknya saya capai pisau dan cuba menamatkan nyawa.

“Namun dengan tangan masih memegang pisau, saya baring di katil dan merenung siling. Di situ saya terfikir apa tujuan hidup saya, adakah sekadar mahu menggembirakan orang lain dengan mengorbankan diri sendiri. Saya pasti Tuhan memberi isyarat kepada saya ketika itu. Saya rasa seolah-olah dipeluk dan mengatakan pada diri sendiri, tidak mengapa untuk merasa kalah dan menerima diri dalam apa jua keadaan,” katanya.

Bermula dari situ, Roselle berkata, dia nekad berubah namun cabarannya bukan mudah kerana dia masih dikelilingi anggota keluarga dan rakan yang sama.

“Saya ambil tindakan drastik putuskan hubungan dengan keluarga selama setahun. Dalam tempoh itu, saya berhenti kerja dan mendapatkan bantuan pakar,” katanya.

Menurutnya, dia kembali berhubung dengan keluarga dan mampu berkomunikasi hati ke hati dengan ibunya mengenai apa yang dialaminya selama ini.

“Bermula 2021, saya dan suami gunakan platform Instagram untuk membantu mereka yang berdepan masalah sama.

“Berdasarkan pengalaman saya, ada beberapa faktor dapat membina jati diri mendepani pelbagai isu. Pertama kenali diri sendiri serta kenal pasti peranan kita kepada diri sendiri dan orang sekeliling.

“Kedua belajar sayangi diri dan utamakan diri terlebih dulu.

“Akhir sekali ada kalanya kita tak mampu melakukan perubahan tanpa sokongan atau bantuan pihak lain,” katanya.



**ROSELLE** pernah cuba beberapa kali menamatkan riwayat sendiri.

**“Saya ambil tindakan drastik putuskan hubungan dengan keluarga selama setahun. Dalam tempoh itu, saya berhenti kerja dan dapatkan bantuan pakar”**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INGAT SAMPAI MATI | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Ingat sampai mati

## *Kebaikan hati Staf Sarjan Nazri bawa anak demam ke klinik sentiasa dikenang keluarga tentera*

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

**Pontian**

"Alhamdulillah, susulan video tular itu kami dapat berhubung dengan isteri Staf Sarjan Nazri untuk menyampaikan ucapan terima kasih arwah suami kepadanya selepas 10 bulan meninggal dunia," kata Noor Hasnawati Ali Hassan.

Noor Hasnawati, 39, adalah balu anggota tentera Sarjan Mohd Anis Mat Yaacob yang berkongsi video memaparkan anak mereka Fatin Maisarah,12, yang ketika itu berusia dua tahun memeluk erat Staf Sarjan Nazri.

Peristiwa 10 tahun lalu itu berlaku ketika Fatin mengalami demam panas dan dibawa mendapatkan rawatan di Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT) di 2 Batalion Ubat, Kem Mahkota Kluang oleh Staf Sarjan Nazri dan beberapa anggota tentera lain.

Kini, suaminya meninggal dunia akibat kanser limfoma dan leukimia pada 9 November 2022 selepas hampir dua tahun menderita.

Berkongsi kisah itu, Noor Hasnawati berkata, Fatin Maisarah yang juga anak kedua terlalu merindui suaminya yang ketika itu dalam penugasan Ops Daulat di Lahad Datu, Sabah pada 2013 sehingga mengalami demam.

Menurutnya, suami kemudian membuat laporan kebajikan kepada unitnya kerana ketika itu dia tidak boleh memandu sebelum pegawai atasan suami dikenali sebagai Staf Sarjan Nazri dan beberapa anggota tentera wanita datang ke rumah untuk membawa dia dan Fatin Maisarah mendapatkan rawatan.

"Kebetulan fizikal Staf Sarjan Nazri seperti bapanya membuatkan Fatin Maisarah yang masih kecil menganggap dia (Staf Sarjan Nazri) adalah ayahnya dan dia memeluk erat lelaki itu ketika mendapatkan rawatan seolah-olah melepaskan kerinduan.

"Staf Sarjan Nazri juga melayan Fatin Maisarah dengan baik dan tidak menolak terus mendukungnya. Saya merakam video itu untuk ditunjukkan kepada suami," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, kejadian membuatkan mereka terharu dan dia sempat berterima kasih kepada lelaki itu yang ketika itu hampir bersara serta anggota lain yang turut membantu.

"Itu kali pertama dan terakhir kami berjumpa, tetapi suami cakap Staf Sarjan Nazri memang baik dan suka merendah diri.

"Minggu terakhir sebelum arwah menghembuskan nafas, dia mengimbau banyak kenangan termasuk kisah Fatin Maisarah dan Staf Sarjan Nazri. Suami tak sempat berterima kasih kepadanya kerana sibuk bertugas dan dipindahkan serta tak pernah berhubung selepas itu," katanya.

Noor Hasnawati berkata, dia berkongsi video itu di TikToknya supaya keluarga atau kenalan Staf Sarjan Nazri melihat video itu untuknya berhubung dengan mereka bagi menyampaikan penghargaan arwah suaminya.

"Tak sangka isteri lelaki itu menghubungi saya dan kami akan berjumpa, malah mereka juga tinggal di Pekan Nenas, Johor. Jadi dapatlah saya sampaikan ucapan terima kasih kepada orangnya," katanya.





STAF Sarjan Nazri mendukung Fatin Maisarah ketika membawa berjumpa doktor.



> "Staf Sarjan Nazri juga layan Fatin Maisarah dengan baik dan terus mendukungnya"
> Noor Hasnawati

NOOR Hasnawati dan anaknya, Fatin Maisarah.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KANAK-KANAK DUA TAHUN MENINGGAL TERCEKIK ANGGUR | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kanak-kanak dua tahun meninggal tercekik anggur

**Melaka:** Seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun meninggal dunia dipercayai akibat tercekik ketika memakan buah anggur, kira-kira 10 hari selepas menerima rawatan di hospital.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisionr Christopher Patit berkata, Nur Aryanna Danisha Muhamad Shaizat disahkan meninggal dunia pada jam 9.23 pagi kelmarin ketika dirawat di Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU) Hospital Melaka.

Menurutnya, terdahulu kanak-kanak itu menerima rawatan awal di sebuah hospital swasta di Ayer Keroh akibat tercekik ketika memakan buah anggur di rumahnya di Taman Merbok dekat sini, dan doktor di hospital berkenaan berjaya mengeluarkan buah anggur itu.

Beliau berkata, bagaimanapun kanak-kanak itu didapati masih dalam keadaan tidak stabil dan perlu menggunakan alat bantuan pernafasan.

"Kanak-kanak itu (kemudiannya) dipindahkan ke Hospital Melaka pada 31 Ogos lalu," katanya dalam satu kenyataan di sini, malam kelmarin.

Christopher berkata, menurut doktor punca kematian kanak-kanak itu ialah *Hyporxic Ischaemic Encephalopathy secondary to choking*.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MELINTANG HEMPAP KERETA | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Melintang hempap kereta

## *Warga emas maut, tujuh cedera dalam kemalangan babit enam kenderaan*



TRELER membawa muatan kayu terbalik melintangi jalan di Lebuhraya Utara Selatan berhampiran susur keluar Bukit Minyak-Sungai Bakap.

**Nibong Tebal**

Seorang wanita warga emas maut manakala tujuh lagi cedera dalam kemalangan membabitkan enam kenderaan di KM164.8 Lebuhraya Utara Selatan berhampiran susur keluar Bukit Minyak-Sungai Bakap, dekat sini, semalam.

Kejadian jam 4.20 pagi melibatkan keseluruhan 21 mangsa namun 13 daripadanya tidak cedera.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 4.30 pagi sebelum sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Nibong Tebal digerakkan ke lokasi.

"Sebaik pihak bomba tiba, didapati kemalangan melibatkan dua treler dengan satu daripadanya membawa muatan kayu terbalik melintangi jalan dan menyebabkan empat kereta terlibat dalam nahas.

**"Bomba mengeluarkan mangsa tersepit menggunakan peralatan khas dan beberapa mangsa yang berjaya dikeluarkan dihantar ke Hospital Sungai Bakap (HSB)"**

"Bomba mengeluarkan mangsa tersepit menggunakan peralatan khas dan beberapa mangsa yang berjaya dikeluarkan dihantar ke Hospital Sungai Bakap (HSB)," katanya di sini, semalam.

Jurucakap itu berkata, wanita warga emas berusia 60-an meninggal dunia di lokasi kejadian akibat parah dipercayai dihempap kayu dari treler tersebut.

Katanya wanita itu penumpang hadapan kereta Toyota Corolla dan terdapat seorang lagi wanita berusia 50-an tersepit dalam kenderaan tersebut namun berjaya diselamatkan.

Terdapat tiga lelaki berusia 20-an dalam kereta itu dan semuanya yang cedera ringan dihantar ke HSB.

"Pemandu treler yang membawa kayu iaitu seorang lelaki berusia 30-an parah manakala dua lagi yang cedera ringan ialah dua wanita berusia 20-an dan 40-an iaitu pemandu dan penumpang kereta Perodua Bezza," katanya.

Beliau berkata, pemandu sebuah lagi treler dan 12 lagi individu masing-masing menaiki kereta Perodua Alza dan Proton Saga tidak cedera.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEMUA MANGSA DILAPOR SELAMAT | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Semua mangsa dilapor selamat

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

**Ampang**

Tujuh pelajar yang dimasukkan ke Hospital Ampang, di sini, kelmarin akibat disengat tebuan di Sungai Lepoh, Kampung Kuala, Hulu Langat tidak mengalami kecederaan serius.

Ibu kepada seorang pelajar terbabit memaklumkan dia mengetahui mengenai kejadian menimpa anak lelakinya jam 6 petang.

"Saya dan suami bergegas ke sini (Hospital Ampang) sebaik dimaklumkan anak dihantar ke sini untuk menerima rawatan.

"Anak memaklumkan tidak ada kecederaan digigit tebuan dan hanya pening kepala. Pihak hospital memaklumkan anak dan pelajar lain masih perlu menerima rawatan sebelum dibenarkan keluar (hospital) esok (semalam)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Jabatan Kecemasan Hospital Ampang di sini, kelmarin.




PELAJAR disengat tebuan dikejarkan Hospital Ampang.

> **"Pihak hospital memaklumkan anak dan pelajar lain masih perlu menerima rawatan sebelum dibenarkan keluar (hospital) esok (semalam)"**

Berdasarkan makluman daripada anak lelakinya, pelajar-pelajar berkenaan tiba-tiba 'diserang' tebuan dalam kejadian itu.

"Anak kata mereka tiba-tiba sahaja diserang tebuan," katanya.

Difahamkan, kejadian berlaku jam 1.45 tengah hari membabitkan sekumpulan pelajar sebuah sekolah menengah di Shah Alam yang menjalani kem kepemimpinan di sebuah resort berhampiran.

Terdahulu, Pegawai Pertahanan Awam Daerah Hulu Langat, Ruslan Lok berkata, pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian itu jam 2.10 petang.

Menurutnya, enam pegawai dan anggota dikejarkan ke lokasi berkenaan yang turut membabitkan agensi lain termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bomba dan polis.

"Sebaik tiba, kami dimaklumkan ada 28 pelajar disengat tebuan. Difahamkan 25 mangsa dihantar ke Klinik Kesihatan Batu 14 untuk menerima rawatan," katanya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | TIGA MAUT MOTOR KENA REMPUH | | |
| HARI : | ISNIN | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 11 SEP 2023 | M/SURAT : | 04 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Tiga maut motor kena rempuh

**Kuantan:** Tiga penunggang motosikal maut selepas dirempuh kereta yang terbabas di Jalan Besar Felda Jengka 17, Maran, dekat sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Maran Deputi Superintendan Norzamri Abd Rahman berkata kemalangan pada 6.15 petang itu menyebabkan kesemua mangsa meninggal dunia di lokasi kejadian.

Mereka ialah Fadhil Syah Sulaiman, 19, dan Muhammad Firdaus Zainal Abidin, 20, dari Felda Lepar Utara serta Mohd Ridhwan Mahayadin, 35, beralamat di Felda Jengka 17.

"Semua mangsa yang bekerja di ladang di Felda Lepar Utara dipercayai menunggang motosikal dalam keadaan seiring dan dalam perjalanan pulang ke rumah masing-masing dari Temerloh dekat sini.

"Semasa di lokasi kejadian, sebuah kereta dari arah bertentangan dipercayai hilang kawalan dan memasuki laluan mangsa lalu merempuh mereka," katanya dalam satu kenyataan.

Norzamri berkata, pemandu kereta iaitu seorang lelaki berusia 51 tahun dari Bandar Jengka pula dikejarkan ke Hospital Jengka kerana mengalami sesak dada.

Semua mayat dihantar ke hospital sama untuk bedah siasat manakala kemalangan disiasat lanjut mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.



**KERETA dan motosikal remuk teruk akibat terbabit dengan kemalangan di Jalan Besar Felda Jengka 17, Maran.**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ACCIDENT CLAIMS LIFE OF SENIOR CITIZEN IN LABUAN | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Accident claims life of senior citizen in Labuan

**LABUAN:** A quiet evening turned tragic when a senior citizen was struck and killed by a food delivery rider at Jalan Patau-Patau, near Sebor Saguking here Saturday night.

The victim, identified as Abdillah Abas, 65, a resident of Kampung Gersik, was killed in the 10.20pm incident, while the motorcyclist suffered serious injuries.

Labuan police chief Supt Mohd Hamizi Halim said the 26-year-old motorcyclist was returning to town when the accident happened.

"Preliminary investigations revealed that the unlit road may have partly contributed to the collision as the deceased was attempting to cross the road.

He added both Abdillah and the food deliveryman were sent to Labuan Hospital, where the senior citizen later succumbed to his injuries. — Bernama

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PASAR TAMU DAYAK SEREMBAN: INITIATIVE FOR BORNEO WOMEN | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Pasar Tamu Dayak Seremban: Initiative for Borneo women

Nursyabiha Sukri

**SEREMBAN:** Pasar Tamu Dayak Seremban here is an initiative to empower women from Sabah and Sarawak currently residing in Negeri Sembilan by creating business opportunities to sell local products from both states.

The effort, undertaken by Pertubuhan Raban Indu Borneo Seremban (PRAISE), also plays a role in strengthening the bonds and sense of unity among the people of Sabah and Sarawak who have been living in the state for over 20 years.

PRAISE president Padila Jiahong said the association was established on Sept 20, 2020 to nurture a competitive and economically-empowered women's community through the Pasar Tamu Dayak, which operates every Sunday on Jalan Seri Rahang from 8am until 1pm.

"PRAISE is an association that looks after the welfare of Borneo women here. During the Covid-19 pandemic till now, we have supported over 130 Borneo households in this state regardless of religion, culture or ethnicity.

"We organise various programmes and activities to encourage women to cultivate an interest in generating additional income for their households, including doing business in this market," she told Bernama.

Padila said the establishment of the market was based on ideas from members who are also home-based entrepreneurs who wish to create a Borneo Market in the state due to strong demand from the local community.

She then met with Seremban City Council members, who provided the organisation with a trading site that could accommodate 17 traders.

"The main objective is to introduce the food and craft culture of Borneo to the locals and provide an opportunity for the Borneo community in Negeri Sembilan to enjoy delicacies and products from their beloved hometown," she said, adding that the prices offered are very reasonable.

Among the food products sold are mee kolo, penyaram, Sarawak laksa, linopot (Sabah), tuhau, pekasam, salai ikan, pansuh ayam, laksa paste, salted fish, sago worms, sago flour, Sarawak pepper, as well as Borneo handicrafts such as woven baskets, bead necklaces and clothing.

She said visitors to the market were not limited to those originating from Sabah and Sarawak but also residents of Melaka, Selangor and Kuala Lumpur.

"The majority of traders here are housewives, and there are also those who work full-time but utilise their Sundays to generate extra income," she said.

Ahead of the Malaysia Day celebration on Sept 16, Padila, who has been living in Negeri Sembilan for 23 years, is grateful that the presence of Borneo residents in the state is well-received by the local community, allowing her to learn about the unique culture of Malaysians in the peninsula.

PRAISE's commendable efforts also helped Helni Bisik, 40, supplement her income as a homemaker by selling various types of sambal, namely terung pipit, batang kantan, kedundung, buah ceremai, buah liposu, serunding tuhau and kantan, serondeng pucuk ubi kayu and fresh anchovies at her stall.

The former nurse, who resides in Temiang after marrying her husband K. Mathivarman, 48, described the opportunity to do business at Pasar Tamu Dayak as a remedy for her yearning for family and relatives in Sabah.

"We are not just doing business here. We also celebrate the Kaamatan and Gawai festivals by donning traditional Sabah and Sarawak attire and dancing poco-poco, creating a festive atmosphere," she said, adding that her marriage to a local Indian has further strengthened family ties between both sides.

For Mazlina Marzuki, 41, she seized the opportunity to trade in the market by selling handwoven basket crafted by her mother-in-law Bidah Samad, 65, who hails from Miri, Sarawak, with the assistance of her husband Syazwan Abdullah, 43.

She said the market is unique as it not only opens up business opportunities but also helps foster stronger bonds among the Borneo community. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | REP: HIGH NUMBER OF YOUNG DRUG ADDICTS IN M'SIA 'WORRYING' | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Rep: High number of young drug addicts in M'sia 'worrying'

Borhaniza Ali Basah

**SIBU:** The government must put some teeth into measures to address drug addiction in the country, said Bukit Assek assemblyman Joseph Chieng.

He described the situation as having reached 'a very serious level', given that the number of drug addicts in Malaysia had hit 1,097,408 people.

Citing the statistics from the National Anti-Drug Agency (AADK), he said 328,640 of the total number of addicts were those between the ages of 15 and 29.

"When I saw such figures, I was shocked – this is very worrying.

"According to a study conducted in 2020, in every 100 youths in Malaysia, six are already involved in drug abuse.

"In simple statistics, six per cent of our youths are involved in drug abuse. I believe the number is much higher, because this is just statistics.

> When I saw such figures, I was shocked – this is very worrying.
>
> **Joseph Chieng**

"For that reason, I want to call upon our government to take this issue seriously, because it is already on a very serious level," he told reporters at a 'Campaign Against Drug Abuse' at SJKC Sacred Heart here yesterday.

When asked if the police and the National Anti-Drug Agency (AADK) should carry out surprise inspections and urine tests in schools, the assemblyman expressed his support for such action, but he also stressed that it must involve the Ministry of Education as well.

"Regarding checks on schools, we need to get permission from the Ministry of Education, but I think they (police and AADK) should conduct inspections on nightclubs and karaoke centres more frequently," he said.

Meanwhile in his speech earlier, Sibu Division Chinese Community Leaders Association chief Temenggong Datuk Vincent Lau regarded the collective commitment to fighting the drug menace and illicit substance abuse had united many quarters in efforts to educate, engage and empower the communities.

"The topic that we are discussing today, the issue of drugs and substance abuse, is not just a concern, but also a critical challenge that affects individuals, families and communities around the world," he said.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SENIOR CITIZEN SURVIVES WITH LEG INJURIES AFTER HIT BY FALLEN TREE | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Senior citizen survives with leg injuries after hit by fallen tree



Handout photo shows the firefighters attending to the victim.

**KUCHING:** A 71-year-old man was rushed to Bau Hospital with injuries to his right leg after a tree fell on him at Kampung Buso, Bau yesterday afternoon

The Fire and Rescue Department (Bomba), in a statement, said the elderly man also suffered cuts to his lips in the 4.10pm incident.

"The victim was pulled out from under the tree by his neighbours prior to the arrival of rescuers," it said.

At the scene were the personnel from the Bau Bomba station who performed first aid on the victim, who was then sent by ambulance to the hospital.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TEEN INJURED WHILE TRYING TO ESCAPE HOUSE FIRE | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Teen injured while trying to escape house fire

**KUCHING:** A 16-year-old teenager sustained injuries to his right arm after a cupboard fell on him while he was trying to escape a fire that destroyed his home at Kampung Serpan Laut in Asajaya, Kota Samarahan on Saturday evening.

The Fire and Rescue Department (Bomba) in a statement Saturday night said the teenager was brought to a nearby clinic for medical treatment.

"Besides the teenager, there were three other occupants in the house who managed to escape the fire without sustaining any injuries," it said.

An adjacent single-storey house was also partially damaged in the incident.

Bomba said they were notified about the incident at around 4pm and firefighters from the Asajaya fire station were despatched to the scene.

"Upon arrival, it was found that the fire involved a double-storey house and a single-storey house.

"The fire is believed to have started from the first floor of the first house," it added.

Bomba said firefighters managed to bring the situation under control at 4.35pm, and ended the operation at 5.40pm.

TAJUK : MEDICAL EVACUATION HELPS ORANG ASLI BOY GET TREATMENT

HARI : ISNIN
AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 11 SEP 2023
M/SURAT : 10

TONE : POSITIF
SEKTOR : KPWKM

# Medical evacuation helps Orang Asli boy get treatment

**GUA MUSANG:** The Fire and Rescue Department (JBPM) Air Unit undertook a medical evacuation (medevac) operation for an Orang Asli boy from Kampung Bihai Lama, Pos Bihai, to receive treatment at Hospital Gua Musang.

According to the JBPM Air Base public relations officer in Penang, Assistant Fire Superintendent Muhammad Akmaluddin Said, two-year-old Arafel Danas Addy, who experienced breathing difficulties, and his mother Sawana John, 33, were evacuated using the Agusta Westland 139 helicopter at 12.09pm on Saturday.

He said the toddler had a high fever, cough, cold and diarrhoea.

"After completing a previous assignment in Pos Lemoi, Pahang, the helicopter arrived at the Gua Musang Fire and Rescue Station (BBP) at 11.37am to fetch Health Ministry personnel to join the mission.

"Upon arrival at Pos Bihai, the team found the patient breathing rapidly and having very little appetite for over two days," he said in a statement yesterday, Bernama reported.

Muhammad Akmaluddin said that after the helicopter touched down at 12.18pm at the Gua Musang BBP, the patient was transferred to an ambulance and brought to the hospital.

He said four crew members, including himself, were involved in the operation led by Senior Assistant Fire Superintendent Mohd Farhan Marzuki, adding that they reached the Penang air base at 4pm.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TEEN KILLED WHILE CHANGING TYRE | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Teen killed while changing tyre

## Victim who stopped along Jalan Persisiran Seri Alam, Pasir Gudang hit by car

**PASIR GUDANG:** A teenager was killed after being run over by a car while changing his tyre here.

Seri Alam OCPD Supt Mohd Sohaimi Ishak said the incident occurred at Jalan Persisiran Seri Alam at 8.15am on Thursday when the 18-year-old was on his way to work in Taman Daya.

"The victim noticed that his right tyre was deflated and decided to stop by the side of the road to change his tyre.

"He had also placed a spare tyre about 10m from his location as an indication to other drivers.

"However, another vehicle, driven by a 23-year-old man, suddenly rammed into the victim and his car, causing the victim to be flung onto the middle of the road," he said in a statement yesterday.

The victim suffered a serious injury to the head and was pronounced dead at the scene, Supt Mohd Sohaimi added.

"The driver of the second vehicle suffered an injury to his forehead and is being treated at Hospital Sultan Ismail in Johor Baru.

"The cause of the accident was because the driver was unaware that a vehicle had broken down in front of him," he said.

In an unrelated incident, a 19-year-old pillion rider was killed while the rider was injured after the motorcycle crashed into a road divider at KM0.33 Jalan Sungai Boh-Sungai Pulai, Pontian.

Pontian OCPD Supt Mohammad Shofee Tayib said the incident occurred at 10.30pm on Friday after the 18-year-old male rider lost control of his motorcycle.

"The duo were heading towards Sungai Pulai before the motorcycle suddenly veered onto the left side of the road and crashed into the divider.

"The impact caused the pillion rider to be flung to the side of the road, where she suffered a serious head injury while the rider suffered minor injury," he said, adding that victim had been sent to Pontian Hospital.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN DIES, SEVEN OTHERS HURT IN SIX-VEHICLE CRASH | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Woman dies, seven others hurt in six-vehicle crash



**Major pile-up:** The accident involving six vehicles at KM164.8 of the North-South Expressway near Bukit Minyak-Sungai Bakap interchange.

**NIBONG TEBAL:** An accident involving two trailers, one of which was ferrying timber, and four other vehicles has left a woman dead and seven others injured.

The accident occurred at KM164.8 of the North-South Expressway near the Bukit Minyak-Sungai Bakap interchange early yesterday morning.

The 4.20am accident involved a total of 21 victims, but 13 other people escaped unhurt.

A Fire and Rescue Department spokesperson from the operation centre said the department received an emergency call at 4.30am and firefighters from the Nibong Tebal Fire and Rescue Station were rushed to the scene.

"Upon arrival, the team found that the accident had involved two trailers, one of which was ferrying timber, which overturned and blocked the highway, and four other vehicles.

"The firefighters carried out rescue work to remove the trapped victims and those who were rescued were sent to the hospital for treatment," he said, Bernama reported.

He said one of the injured victims, a woman in her 60s, died at the scene due to severe injuries.

The woman was the front passenger travelling in a Toyota Corolla.

Another woman, in her 50s, was also trapped in the vehicle but was rescued before being sent to the hospital for treatment.

There were also three men, all in their 20s, travelling in the same car; however, they sustained minor injuries.

"Meanwhile, the driver of the trailer ferrying timber, who is in his 30s, was seriously injured, while the other two who sustained minor injuries were two women in their 20s and 40s – the driver and passenger of a Perodua Bezza," he said.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MOVE TO BOOST SKILLS, INCOME OF WOMEN | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Move to boost skills, income of women

**KUALA LUMPUR:** The *Jom Latih Belia Digital Madani* carnival aims to provide exposure to women, especially single mothers, to develop their skills and generate more income.

The prime minister's wife Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail said the carnival was organised as the Covid-19 pandemic had affected the income of many women.

"We want the Human Resources Development Corporation to work with the Bandar Tun Razak parliamentary constituency and police to get women to participate in this programme and increase their income," she said after officiating at the carnival at the International Youth Centre yesterday.

The carnival offers various classes, including cake decorating and bead accessory making.

Asked if there would be more such programmes for the Bandar Tun Razak constituency, Wan Azizah said she has to consider other issues that are pending in the constituency.

"We are trying our level best. We also have to tailor the programmes for those who need help in other fields. In Bandar Tun Razak, for example, there are many issues affecting the urban poor that we need to address." – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN DIES IN SIX-VEHICLE COLLISION | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Woman dies in six-vehicle collision

**NIBONG TEBAL:** A woman was killed and seven others injured in a collision involving six vehicles at Km164.8 of the North-South Expressway near the Bukit Minyak-Sungai Bakap interchange yesterday.

A Penang Fire and Rescue Department operations centre spokesperson said 13 individuals escaped unhurt in the incident at around 4am, adding that they received an emergency call at 4.30am and a team from the Nibong Tebal Fire and Rescue station rushed to the scene.

"They found that (the incident) involved four vehicles and two trailers, one of which was ferrying timber and had overturned, blocking the highway.

"Firefighters assisted trapped individuals and sent them to the Sungai Bakap Hospital for treatment."

He said a woman in her 60s, who was the front passenger of a car, died at the scene due to severe injuries. Her fellow travellers, a woman in her 50s and three men in their 20s, sustained minor injuries and were sent to hospital.

"The driver of the timber trailer, in his 30s, was seriously injured. The driver and passenger of another car, two women in their 20s and 40s, sustained minor injuries." – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BOMBA TERBANGKAN KANAK-KANAK ORANG ASLI SESAK NAFAS KE HOSPITAL | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | UTUSAN BOREO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bomba terbangkan kanak-kanak Orang Asli sesak nafas ke hospital

**GUA MUSANG:** Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melakukan penerbangan pemindahan perubatan (Medevac) seorang kanak-kanak lelaki Orang Asli yang sesak nafas dari Kampung Bihai Lama, Pos Bihai untuk menerima rawatan lanjut di Hospital Gua Musang, kelmarin.

Pegawai Perhubungan Awam JBPM Pangkalan Udara Wilayah Utara, Pulau Pinang, Penolong Penguasa Bomba Muhammad Akmaluddin Said berkata Arafel Danas Addy yang berusia dua tahun yang diiringi ibunya Sawana John, 33, dibawa keluar dari perkampungan tersebut menggunakan pesawat Agusta Westland 139 (AW139) pada 12.09 tengah hari.

Beliau berkata kanak-kanak berkenaan mengalami demam panas, selain batuk, selesema dan cirit-birit.

"Pesawat berlepas tiba di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Gua Musang pada 11.37 pagi untuk mengambil seorang petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menyertai misi pemindahan di Pos Bihai, selepas selesai melakukan penugasan di Pos Lemoi, Pahang.

"Setibanya anak kapal di Pos Bihai mendapati pesakit dalam keadaan bernafas laju dan menyusu hanya sedikit dan keadaan sudah berlarutan dua hari," katanya dalam kenyataan, semalam.

Muhammad Akmaluddin berkata pesawat tiba semula di BBP Gua Musang pada 12.18 tengah hari bersama pesakit untuk dipindahkan ke hospital dengan menaiki ambulans.

Beliau berkata operasi yang diketuai Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Farhan Marzuki bersama empat kru termasuk dirinya selamat tiba di Pangkalan Udara Wilayah Utara, Pulau Pinang pada 4 petang.

"Keadaan cuaca berawan rendah dan keseluruhan operasi melibatkan dua lokasi berbeza (Pos Lemoi dan Pos Bihai) berjaya dilaksanakan dalam tempoh 4 jam 30 minit masa penerbangan," katanya. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAYAT WANITA DITEMUI TERTIARAP DI SEBUAH RUMAH | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | UTUSAN BOREO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Mayat wanita ditemui tertiarap di sebuah rumah

**SANDAKAN:** Mayat seorang wanita warga emas ditemui di sebuah rumah yang terkunci di Taman Indah Jaya, di sini kelmarin.

Mangsa berusia 76 tahun ditemui dalam keadaan tertiarap di kerusi oleh sepasukan bomba selepas membuka pintu rumah berkenaan.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sandakan Severinus Sainkui berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan tentang pintu rumah terkunci daripada polis jam 4.01 petang.

Katanya, sepasukan sembilan anggota dan pegawai bomba bersama dua jentera digerakkan ke lokasi kerana terdapat seorang mangsa tidak sedarkan diri di dalam rumah.

"Pasukan bomba yang tiba di lokasi terus menjalankan operasi menggunakan peralatan khas 'power saw' untuk membuka jeriji besi rumah berkenaan.

"Sebaik pintu berjaya dibuka, terdapat seorang penghuni berada di dalam rumah dan disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan," katanya dalam kenyataan media, di sini kelmarin.

Menurutnya, mangsa kemudian diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

"Pasukan bomba menjalankan pemeriksaan akhir bagi memastikan lokasi berkenaan selamat, sebelum operasi ditamatkan pada jam 6.23 petang," katanya.



**MENINGGAL: Mayat warga emas terbabit ditemui tertiarap di kerusi.**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NELAYAN WARGA EMAS HILANG SELEPAS KE LAUT SEORANG DIRI | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | UTUSAN BOREO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Nelayan warga emas hilang selepas ke laut seorang diri

**KUANTAN:** Seorang nelayan warga emas dilaporkan hilang sejak semalam, selepas keluar menangkap ikan seorang diri pada jarak 1.5 batu nautika Timur Laut Kuala Pahang, dekat sini.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pahang Laksamana Pertama Maritim Kamal Ariffin Jusoh berkata Mohamed Romlan Abdul Rani, 66, dilaporkan keluar menggunakan bot gentian jam 5 pagi semalam.

"Mangsa dilaporkan tidak pulang ke jeti walaupun sepatutnya berbuat demikian pada 11 pagi hari yang sama. Rakan mangsa yang melakukan pencarian juga tidak menemukan sebarang petunjuk keberadaan mangsa," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata operasi mencari dan menyelamat diaktifkan dan diperluas kepada 43 batu nautika persegi hari ini, dengan dibantu bot nelayan tempatan.

Kamal Ariffin sehubungan itu menasihatkan komuniti maritim supaya sentiasa menitikberatkan aspek keselamatan dengan memakai jaket keselamatan dan menggunakan peranti Personal Locator Beacon (PLB) semasa melakukan aktiviti di laut. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PASAR TAMU DAYAK JANA PENDAPATAN WANITA BORNEO | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | UTUSAN BOREO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pasar Tamu Dayak jana pendapatan wanita Borneo

## Wujudkan peluang perniagaan wanita Sabah, Sarawak di Negeri Sembilan jual produk dari dua negeri itu

**SEREMBAN: Pasar Tamu Dayak Seremban menjadi inisiatif bagi memperkasakan wanita dari Sabah dan Sarawak yang kini menetap di Negeri Sembilan dengan mewujudkan peluang perniagaan pelbagai produk tempatan dari dua negeri berkenaan.**

Usaha oleh Pertubuhan Raban Indu Borneo Seremban (PRAISE) itu turut mengeratkan hubungan dan semangat kekitaan dalam kalangan rakyat Sabah dan Sarawak yang telah lebih 20 tahun menetap di negeri Adat Perpatih ini.

Presiden PRAISE Padila Jiahong berkata persatuan itu ditubuhkan pada 20 September 2020 bertujuan memupuk komuniti wanita yang berdaya saing dan mampu menambah pendapatan ekonomi keluarga menerusi pembukaan Pasar Tamu Dayak di Jalan Seri Rahang bermula jam 8 pagi hingga 1 petang, setiap Ahad.

"PRAISE berperanan sebagai persatuan yang menjaga kebajikan wanita Borneo di sini. Pada musim pandemik COVID-19 sehingga kini, persatuan membantu lebih 130 isi rumah dari Borneo di negeri ini melalui sumbangan diberikan tanpa mengira agama, budaya dan etnik kepada wanita yang memerlukan.

"Pelbagai aktiviti dan program kami adakan untuk mendorong wanita memupuk minat menjana pendapatan sampingan untuk isi rumah, antaranya adalah berniaga di pasar ini," katanya kepada Bernama.

> "PRAISE berperanan sebagai persatuan yang menjaga kebajikan wanita Borneo di sini. Pada musim pandemik COVID-19 sehingga kini, persatuan membantu lebih 130 isi rumah dari Borneo di negeri ini melalui sumbangan diberikan tanpa mengira agama, budaya dan etnik kepada wanita yang memerlukan."
>
> **Padila Jiahong**
> *Presiden Pertubuhan Raban Indu Borneo Seremban*

Padila berkata Pasar Tamu Dayak dibuka hasil idea ahli yang juga pengusaha makanan dari rumah ke rumah, yang menyuarakan pendapat untuk membuka Pasar Borneo di negeri ini kerana permintaan masyarakat tempatan dan negeri berhampiran sangat menggalakkan terhadap produk Sabah dan Sarawak.

Susulan itu, beliau berjumpa dengan Ahli Majlis Majlis Bandaraya Seremban (MBS) yang memberikan pertubuhan itu tapak berniaga yang memberi manfaat kepada 17 peniaga di sini.

"Objektif utama adalah memperkenalkan budaya makanan dan kraf tangan dari Borneo kepada masyarakat di sini serta memberi peluang kepada masyarakat Borneo di Negeri Sembilan melepas rindu dengan juadah dan produk dari kampung halaman tercinta," katanya sambil menambah, harga yang ditawarkan sangat berpatutan.

Antara produk makanan dijual ialah mi kolok, penyaram, laksa Sarawak, Linopot (Sabah), tuhau, pekasam, salai ikan, pansuh ayam, pes laksa, ikan terubuk masin, ulat sagu, tepung sagu, lada Sarawak serta barangan kraf tangan dari Borneo seperti bakul anyaman, rantai manik, baju bertema Borneo dan lain-lain.

Katanya pengunjung pasar itu bukan hanya dalam kalangan mereka yang berasal dari Sabah dan Sarawak sahaja malah mendapat sambutan daripada penduduk Melaka, Selangor dan Kuala Lumpur.

"Majoriti peniaga di sini terdiri daripada suri rumah, ada juga yang bekerja sepenuh masa namun menggunakan masa cuti pada Ahad untuk berniaga bagi menambahkan pendapatan," katanya.




**BUKA PELUANG JANA PENDAPATAN: Gerai Mee Kolok antara gerai jualan yang sering dikunjungi pelanggan di Pasar Tamu Dayak Seremban di Jalan Seri Rahang di Seremban baru-baru ini.** — Gambar Bernama

Menjelang sambutan Hari Malaysia 16 September ini, Padila yang telah menetap selama 23 tahun di negeri ini, bersyukur kehadiran warga Borneo di negeri ini disambut baik oleh masyarakat tempatan selain dapat mempelajari keunikan budaya masyarakat Semenanjung.

Usaha terpuji PRAISE itu turut membantu Helni Bisik, 40, menambah pendapatannya sebagai suri rumah kepada tiga cahaya mata dengan menjual pelbagai jenis sambal iaitu terung pipit, batang kantan, kedondong, buah cermai, buah liposu, serunding tuhau dan kantan, serunding sayur pucuk ubi kayu dan ikan bilis segar di gerai miliknya Ropuhan D'Helni.

Bekas jururawat swasta itu yang menetap di Temiang setelah berkahwin dengan suaminya K. Mathivarman, 48, menyifatkan peluang berniaga di Pasar Tamu Dayak itu mengubat kerinduannya terhadap keluarga serta saudara-mara di Sabah.

"Kami di sini bukan setakat berniaga, kami juga meraikan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai dengan memakai pakaian tradisional Sabah dan Sarawak serta menari poco-poco, suasana sangat meriah," katanya menambah berkahwin dengan rakyat tempatan berbangsa India, dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan kedua-dua belah pihak dengan mempelajari pelbagai cara hidup dan kebudayaan.

Bagi Mazlina Marzuki, 41, dia mengambil peluang berniaga di pasar tersebut menjual bakul anyaman hasil buatan kraf tangan ibu mentuanya Bidah Samad, 65, yang berasal dari Miri, Sarawak yang turut dibantu suaminya, Syazwan Abdullah, 43.

Katanya pasar tersebut unik kerana ia bukan sahaja membuka peluang berniaga tetapi dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan masyarakat Borneo. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PERLU KAEDAH KREATIF DIDIK KANAKKANAK TENTANG PEMBENTUKAN MALAYSIA | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | UTUSAN BOREO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Perlu kaedah kreatif didik kanak-kanak tentang pembentukan Malaysia



**BERSEMANGAT:** Rohani bersama kanak-kanak tadika bersemangat mengibarkan Jalur Gemilang di Kepala Batas baru-baru ini. — Gambar Bernama

**KEPALA BATAS:** Pusat pendidikan awal kanak-kanak turut memainkan peranan penting dalam menerapkan penghayatan Hari Malaysia khususnya perasaan menghargai perbezaan dan keunikan tersendiri setiap negeri di negara ini.

Pengasas Tadika Khalifah Intelek, Rohani Abdul Ghani, 59, berkata kesemua enam cawangan tadika berkenaan sememangnya menekankan kepentingan dalam menyambut kedua-dua Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, sejak dari awal lagi.

Rohani berkata usaha ini supaya kanak-kanak lebih memahami mengenai sejarah dan tujuan sambutan Hari Kebangsaan diadakan setiap tahun adalah bagi meraikan kemerdekaan negara, manakala sambutan Hari Malaysia bertujuan memperingati ulang tahun penubuhan Malaysia apabila Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura bergabung pada 1963.

"Pihak tadika menyambut Hari Malaysia setiap tahun secara meriah kecuali ketika negara dilanda pandemik kerana kita mahu anak-anak meraikannya dan mengenali lebih mendalam Malaysia dan negeri-negeri di dalamnya," katanya kepada Bernama.

Namun menurut beliau, kaedah bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak perlu dititikberatkan dan dilakukan secara santai memandangkan topik yang diajar itu agak berat dan serius.

"Pihak tadika perlu kreatif dengan mengambil pendekatan yang boleh menarik perhatian kanak-kanak iaitu dengan memperkenalkan permainan tradisional di setiap negeri, makanan atau kuih-muih yang berwarna-warni serta aktiviti mengenal dan mewarna 14 bendera negeri di Malaysia," katanya.

Rohani berkata pada 13 September ini, semua enam cawangan Tadika Khalifah Intelek dengan kira-kira 200 pelajar tadika akan bersama-sama meraikan sambutan Hari Malaysia dan antara aktiviti yang dirancang termasuk acara 11 jenis permainan tradisional.

"Sebenarnya permainan tradisional ini sangat bermanfaat untuk mereka, contohnya, permainan congkak secara tidak langsung mengajar mereka tentang ilmu matematik.

"Kita berharap pengenalan terhadap permainan tradisional dan makanan yang unik dari negeri-negeri di Malaysia ini boleh mencetus teras ingatan kanak-kanak kerana kita tidak mahu budaya dan amalan tradisi ini pupus ditelan zaman," katanya. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | REMAJA CEDERA SELAMATKAN DIRI DARIPADA KEBAKARAN | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | UTUSAN BOREO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Remaja cedera selamatkan diri daripada kebakaran

## Mangsa telah dibawa ke klinik kesihatan berhampiran untuk menerima rawatan lanjut

Oleh Hamkar Sarbinee

**KUCHING: Seorang remaja lelaki berusia 16 tahun mengalami kecederaan ketika hendak menyelamatkan diri daripada kebakaran melibatkan dua rumah di Kampung Serpan Laut, Asajaya Kota Samarahan kelmarin.**

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak memberitahu, mangsa yang cedera itu telah dibawa ke klinik kesihatan berhampiran untuk menerima rawatan lanjut.

Menurutnya, pihaknya menerima laporan kejadian kebakaran itu sekitar jam 4 petang.

"Sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Asajaya bergegas ke lokasi dan mendapati kebakaran melibatkan dua rumah.

"Rumah pertama berstruktur tidak kekal dua tingkat berkeluasan 20 x 60 kaki persegi musnah 90 peratus manakala rumah kedua berstruktur kekal dengan keluasan 20 x 40 kaki persegi terbakar lima peratus," katanya dalam satu kenyataan semalam.

> "Sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Asajaya bergegas ke lokasi dan mendapati kebakaran melibatkan dua rumah."
>
> Jurucakap
> *Pusat Gerakan Operasi, JBPM Sarawak*

Katanya, kebakaran itu bermula di tingkat atas rumah pertama.

"Seorang mangsa lelaki dalam kejadian itu mengalami kecederaan terseliuh di tangan kanan akibat dihempap almari ketika hendak menyelamatkan diri daripada kebakaran terbabit.

"Tiga lagi penghuni rumah pertama yang lain berjaya menyelamatkan diri dan tidak mengalami kecederaan," ujarnya.

Jelas bomba, operasi pemadaman terus dilakukan bagi mengawal kebakaran daripada merebak ke rumah seterusnya.

"Kebakaran berjaya dikawal sekitar jam 4.35 petang dan setelah memastikan keadaan selamat, anggota seterusnya bergerak balik ke balai," tambahnya.

Turut hadir di lokasi kejadian ialah anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).



**MUSNAH: Anggota bomba sambil dibantu APM memadam dan memastikan tiada lagi punca api di tempat kejadian dalam insiden berkenaan.**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SATU MAUT, DUA CEDERA VAN BERTEMBUNG PACUAN EMPAT RODA | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | UTUSAN BOREO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Satu maut, dua cedera van bertembung pacuan empat roda

**SANDAKAN:** Seorang lelaki warga emas maut manakala dua cedera dalam kemalangan di Jalan Sibuga, Batu 8, di sini, semalam.

Kejadian berlaku apabila van dipandu warga emas berusia 63 tahun itu dipercayai bertembung dengan pacuan empat roda dinaiki seorang lelaki dan wanita berusia 20 dan 22 tahun.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sandakan Severinus Sainkui berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 8.29 pagi.

"Seramai lapan anggota dan pegawai bersama dua jentera digerakkan ke lokasi kejadian bagi operasi menyelamat.

"Sebaik tiba, pasukan bomba mendapati kemalangan membabitkan sebuah van bertembung dengan pacuan empat roda," katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Menurutnya, terdapat seorang mangsa lelaki tersepit (pemandu van) berjaya dikeluarkan oleh pasukan bomba.

Bagaimanapun katanya, mangsa disahkan meninggal dunia oleh pasukan perubatan yang tiba di lokasi kejadian akibat kecederaan parah.

"Mangsa kemudian diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

"Dua mangsa dalam pacuan empat roda yang mengalami cedera ringan pula dihantar ke hospital menggunakan ambulans untuk rawatan lanjut," katanya.

Severinus berkata, pasukan bomba menjalankan pemeriksaan akhir bagi memastikan lokasi kemalangan selamat, sebelum operasi ditamatkan jam 9.54 pagi.



**MAUT: Mayat mangsa diserahkan kepada pihak polis untuk siasatan lanjut.**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WARGA EMAS CEDERA DIHEMPAP DAHAN POKOK | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | UTUSAN BOREO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 01 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Warga emas cedera dihempap dahan pokok

**KUCHING:** Seorang warga emas mengalami kecederaan selepas dihempap dahan pokok ketika melakukan kerja penebangan di Kampung Buso, Bau, di sini semalam.

Pusat Gerakan Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak memberitahu, pihaknya menerima laporan kejadian terbabit sekitar jam 4.11 petang.

Menurutnya, sebaik menerima laporan, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bau bergegas ke lokasi kejadian.

"Setiba di lokasi, pasukan mendapati seorang lelaki berumur 71 tahun dihempap dahan pokok di bahagian kaki kanan ketika menebang sebatang pokok. Mangsa mengalami kecederaan di kaki kanan dan luka kecil di bahagian mulut," katanya dalam kenyataan semalam.

Jelas bomba, mangsa bagaimanapun telah berjaya dikeluarkan oleh jirannya ketika pasukan keluaran operasi (PKO) sampai di lokasi kejadian.

"Ketua operasi melakukan size up dan mengarahkan anggota EMRS memberi rawatan awal memasang lower limb dan membawa mangsa keluar menggunakan scoop strecher.

"Mangsa seterusnya diserahkan kepada pihak ambulans Bau untuk tindakan selanjutnya," ujarnya.



**DIHEMPAP:** **Bomba membantu mangsa yang mengalami kecederaan selepas dihempap dahan pokok semalam.**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WARGA EMAS MAUT, TUJUH CEDERA DALAM KEMALANGAN ENAM KENDERAAN | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | UTUSAN BOREO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 11 SEP 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Warga emas maut, tujuh cedera dalam kemalangan enam kenderaan

**NIBONG TEBAL:** Seorang wanita warga emas maut manakala tujuh lagi cedera dalam kemalangan membabitkan enam kenderaan di KM164.8 Lebuhraya Utara Selatan berhampiran susur keluar Bukit Minyak-Sungai Bakap dekat sini, semalam.

Kejadian kira-kira 4.20 pagi itu melibatkan keseluruhan 21 mangsa, namun 13 daripadanya tidak mengalami sebarang kecederaan.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada 4.30 pagi sebelum sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Nibong Tebal digegaskan ke lokasi kemalangan.

"Sebaik pihak bomba tiba, didapati kemalangan itu melibatkan dua treler dengan satu daripadanya membawa muatan kayu terbalik melintangi jalan dan menyebabkan empat kereta turut terlibat dalam nahas.

"Pihak bomba mengeluarkan mangsa tersepit menggunakan peralatan khas dan beberapa mangsa yang berjaya dikeluarkan, dihantar ke Hospital Sungai Bakap (HSB)," katanya di sini semalam.



**KEMALANGAN: Seorang wanita warga emas maut manakala tujuh lagi cedera dalam kemalangan membabitkan enam kenderaan di Kilometer (KM) 164.8 Lebuhraya Utara Selatan (Plus) berhampiran susur keluar Bukit Minyak-Sungai Bakap dekat Nibong Tebal, semalam.** — Gambar Bernama

Jurucakap itu berkata wanita warga emas berusia 60-an itu meninggal dunia di lokasi kejadian akibat kecederaan parah dipercayai dihempap kayu daripada treler tersebut.

Katanya, wanita itu merupakan penumpang hadapan kereta jenis Toyota Corolla dan terdapat seorang lagi wanita berusia 50-an tersepit dalam kenderaan tersebut, namun berjaya diselamatkan.

Terdapat tiga lelaki berusia 20-an dalam kereta itu dan kesemuanya yang cedera ringan turut dihantar ke HSB.

"Pemandu treler yang membawa kayu iaitu seorang lelaki berusia 30-an mengalami kecederaan parah manakala dua lagi yang cedera ringan ialah dua wanita berusia 20-an dan 40-an iaitu pemandu dan penumpang kereta Perodua Bezza," katanya.

Beliau berkata, pemandu sebuah lagi treler dan 12 lagi individu masing-masing menaiki kereta Perodua Alza dan Proton Saga tidak mengalami sebarang kecederaan. — Bernama